

**SKIM PERKHIDMATAN
PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **KEJURUTERAAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GRED JAWATAN/GAJI : **JA19, JA22, JA26,
JA29/30, JA36, JA38, JA40**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2016**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PELUKIS
PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) GRED JA19**

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual, Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA19: RM1,377.00);
atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA19:RM1,435.12);
atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA19: RM1,493.24).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG
JURUTERA GRED JA29**

- (d) (i) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00);
atau

- (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA22**

11. Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA26**

12. Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA26 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA30**

13. (a) Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA19 atau JA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA30 yang kosong apabila telah:
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d);
 - (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (v) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA30 yang kosong apabila telah:
- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (iii) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA36**

14. Penolong Jurutera Gred JA29/30 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA36 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA38**

15. Penolong Jurutera Gred JA36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA40**

16. Penolong Jurutera Gred JA38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA40 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
JURUTERA GRED J41**

17. Penolong Jurutera yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera yang berkuat kuasa pada 1.7.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2013).